

## **Latihan Amali Dakwah (Muslim) Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan FPI: Kajian Masalah, Keberkesanan dan Pelaksanaannya di FELDA Gugusan Tersang, Raub, Pahang**

Kod Projek: UKM-PTS-024-2009

<sup>1,2</sup>*Badlihisam Mohd Nasir (Ketua Projek), <sup>1</sup>Abdul Ghafar Don & <sup>1</sup>Anuar Puteh*

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam

<sup>2</sup>Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

---

### **PENGENALAN**

Dakwah adalah suatu disiplin ilmu yang sangat menitikberatkan aspek praktikal. Justeru dakwah bukan hanya suatu seruan yang disampaikan secara verbal, bahkan melibatkan keseluruhan perbuatan dan contoh tauladan yang harus dipersembahkan kepada masyarakat secara berkesan. Bagi pendakwah, *dakwah bi al-Hal* (praktik) harus dilaksanakan secara sistematik dan terancang khususnya melalui pembelajaran yang berorientasikan latihan amali. Oleh itu, Latihan Amali Dakwah Kepada Muslim (LADM) yang diwajibkan kepada mahasiswa tahun tiga ini bertujuan melahirkan mahasiswa yang mampu melaksanakan tugas dakwah secara sistematik dan bersepadu di lokasi masyarakat muslim yang terlibat. Kepakaran akademik di bilik kuliah dapat diperkayakan lagi menerusi latihan amali bersama pihak yang mempunyai pengalaman dan minat khususnya dalam bidang dakwah. Namun latihan amali seperti ini pastinya terdedah kepada pelbagai masalah dan boleh dipertikaikan tahap keberkesannya. Persepsi masyarakat setempat lazimnya boleh dijadikan sebahagian dari proses penilaian dalam membahaskan masalah dan keberkesanan latihan amali berkenaan khususnya dalam beberapa aspek utama seperti pengurusan, organisasi, program, prasarana, peserta dan pensyarah yang terlibat.

Latihan Amali Dakwah kepada Muslim merupakan sebahagian daripada kerja kursus subjek PM3012 Metodologi Dakwah Kepada Muslim yang wajib diikuti oleh pelajar tahun tiga Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Latihan amali ini sesuai dengan aspirasi Jabatan untuk melahirkan siswazah yang matang dalam menghayati nilai-nilai Islam serta dapat memberikan sumbangan rohani dan jasmani kepada pembangunan masyarakat dan negara. Aktiviti ini telah dijadikan suatu aktiviti tahunan secara berkala kepada pelajar-pelajar tahun tiga dalam setiap semester pertama. Kerjasama institusi luar khususnya dalam bentuk sokongan kewangan amatlah diperlukan bagi menjayakan latihan ini. Pihak yang berminat boleh juga memberikan kerjasama dalam bentuk moral atau menjalankan aktiviti dakwah bersama pelajar yang terlibat dalam latihan.

Latihan amali dakwah muslim bertujuan memahami dakwah sebagai ilmu yang menjurus kepada amali dan profesionalisme bagi para pendakwah. Kajian meliputi metodologi

dakwah yang digariskan dalam al-Quran dan Sunnah serta kaedah yang sesuai dan berkesan kepada sasaran samada dakwah ke luar atau dakwah ke dalam. Selain itu latihan ini dijalankan secara berkumpulan yang diatur oleh pihak jabatan untuk semua pelajar dari semasa ke semasa. Latihan ini mengambil kaedah khidmat sosial dan keagamaan yang dilaksanakan secara bersepadu. Semua aktiviti dan program LADM dijalankan dibawah pengawasan dan perhatian pensyarah dan turut melibatkan pelaksanaan selidik terhadap masyarakat atau kumpulan sasaran. Pelajar juga terlibat menganalisis hasil kaji selidik bagi merancang cara pendekatan dan menyediakan bahan dakwah yang berkesan serta mengadakan post-mortem bagi mengukur tahap keberkesanannya. Secara khusus, LADM ini bermatlamatkan:

1. Mendedahkan aspek amali dakwah kepada orang-orang Islam untuk mahasiswa jabatan khususnya dalam membina serta mengembangkan potensi kepimpinan masing-masing.
2. Memahami permasalahan gerakan dakwah khususnya dalam menangani gejala sosial dan keruntuhan akhlak di kalangan generasi muda serta komuniti non-Muslim yang tinggal berjiran dengan masyarakat Islam.
3. Melakukan kajian berkaitan isu-isu umat Islam yang akan dianalisis secara ilmiah dari perspektif dakwah.
4. Menyumbangkan fikiran dan tenaga dalam kerja dakwah kepada masyarakat dan memanfaatkan kerjasama dakwah yang dihulurkan oleh pihak-pihak yang terlibat.

LADM adalah sebuah program yang dianjurkan oleh Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan lain khususnya JAKIM dan JHEOA. Lazimnya lokasi latihan yang dipilih ialah kampung penduduk Muslim yang berjiran dengan penempatan Orang Asli (Muslim) atau penempatan Orang Asli (Muslim) yang berjiran dengan masyarakat orang-orang Melayu. Pemilihan lokasi secara berkembar ini adalah sebagai memenuhi usaha susulan (*follow-up*) kepada program LAD non-Muslim terdahulu yang dijalankan di sekitar lokasi berkenaan. Oleh itu LADM sering menyasarkan masyarakat Islam yang tinggal berjiran atau berhampiran dengan kampung Orang Asli serta saudara-saudara baru di samping masyarakat non-muslim di kampung Orang Asli berkenaan.

Latihan yang dijalankan selama kira-kira seminggu ini melibatkan pengisian aktiviti masyarakat Islam dan Non-Muslim. Beberapa aktiviti berikut yang boleh diubahsuai dan ditambah mengikut keperluan semasa. Ia meliputi aktiviti Ceramah Umum, Motivasi dan Latihan dalam kumpulan (LDK), Kuliah dan tazkirah, Bimbingan agama Fardhu Ain, Qiamullail, Khidmat Sukarelawan, Kebudayaan dan Kesenian Islam serta Sukan dan Lawatan. Aktiviti yang pelbagai ini memerlukan dana yang agak besar iaitu sekitar 15 hingga 20 ribu Ringgit Malaysia. Ia diperolehi dari UKM selain dari sumbangan dari agensi yang terlibat. Mereka juga bertindak sebagai sebahagian dari organisasi yang diketuai oleh mahasiswa Jabatan dakwah yang terlibat. Umumnya kira-kira seratus peserta terdiri dari pelajar ijazah pertama, kedua dan pensyarah mengikuti program ini.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

1. Mengkaji pelaksanaan Latihan Amali Dakwah Muslim di Felda Tersang, Raub Pahang.
2. Mengkaji persepsi masyarakat Felda Tersang tentang masalah dan keberkesanan Latihan Amali Dakwah Muslim.
3. Mencadangkan pendekatan dakwah kepada masyarakat Muslim dalam konteks Felda

### **METODE KAJIAN**

1. Kajian kuantitatif (Soal selidik yang diedarkan kepada 100 orang responden khususnya terdiri dari keluarga angkat pelajar-pelajar adalah merupakan salah satu daripada kajian yang diwajibkan ke atas mereka. Ia dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu demografi, masalah dan keberkesanan LADM)
2. Kaedah temu bual: dengan wakil peneroka Felda dan pelajar yang terlibat dalam Latihan Amali Dakwah.

### **PENCAPAIAN PROJEK (*OUTPUT*)**

#### **Penerbitan (Jurnal)**

1. Badlihisam Mohd Nasir, Anuar Puteh & Abd Ghafar Don. 2011. Problems and Effectiveness of Practical Training in Islamic Dakwah: A Case Study at Tersang Felda Cluster Raub Pahang. *Journal of Applied Sciences Research* (Indeks Scopus: dalam proses penyediaan dan penerbitan).

#### **Persidangan/Bengkel**

1. Badlihisam Mohd Nasir, Anuar Puteh & Abd Ghafar Don. 2011. Masalah dan Keberkesanan Latihan Amali Dakwah Muslim di Felda Gigusan Tersang Raub Pahang. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2012.
2. Bengkel Penyediaan Laporan Akhir Penyelidikan UKM-PTS-024-2009. 17-12 Jun 2011. Rose Villa Melaka.
3. Latihan Amali Dakwah kepada Masyarakat Muslim di Felda Gugusan Tersang Raub Pahang. Ogos 2009.

#### **Modal Insan (Sarjanamuda)**

1. Haslinda Mohd Rusley. 2012. Keberkesanan Latihan Amali Dakwah Muslim JPDK: Kajian di Felda Tersang Raub Pahang dan Kampung Air Putih Ulu Tiram Johor.

**PERBELANJAAN**

Jumlah Pembiayaan	: RM 12,000.00	
Jumlah Peruntukan Diterima	: RM 12,000.00	
Baki Belum Terima	: RM 0.00	
Jumlah Perbelanjaan dan Komitmen	: RM 12,000.00	
Peratus Guna Berbanding Jumlah Pembiayaan	: ( Jumlah Perbelanjaan + Jumlah Komitmen)	
		$\frac{\text{Jumlah Perbelanjaan + Jumlah Komitmen}}{\text{Jumlah Pembiayaan}} \times 100$
	: RM 12,000.00	
		$\frac{\text{RM 12,000.00}}{\text{RM 12,000.00}} \times 100$
	: 100.00 %	

**KESIMPULAN**

Kesimpulannya kajian ini menunjukkan LADM telah berjaya dilaksanakan dengan baik di Felda Gugusan Tersang. Aspek-aspek utama seperti pengurusan, organisasi, program, prasarana, peserta dan pensyarah berjaya dikendalikan dengan baik di sepanjang LADM. Tidak terdapat masalah besar seperti yang dipersepsikan oleh penduduk Felda terhadap program LADM yang diadakan di sana. Jika ada ia adalah program seperti pengagihan anak angkat yang dikendalikan sepenuhnya oleh pihak JKK Rancangan Felda. Tahap keberkesanan program LADM juga adalah memuaskan walaupun terdapat beberapa komen dan cadangan yang bersifat membina. Ini jelas menunjukkan bahawa gagasan teori dan konsep yang dibekalkan di dalam pengajaran berjaya dilaksanakan secara realistik di lapangan. Namun, persepsi positif responden terhadap program ini bukanlah petunjuk mutlak agar seluruh warga dakwah sentiasa berpuashati dengan apa yang dilakukan. Beberapa program baru yang difikir sesuai perlu diperkenalkan bagi memantapkan lagi usaha dakwah secara bersepadu ini.